



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI  
& KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR  
KERJA GRED G1 (BUMIPUTERA) DAN PENELITIAN SEMULA HAD  
NILAI PELAKSANAAN PEROLEHAN KERAJAAN**

Kerajaan Persekutuan menyedari keperluan untuk mengkaji semula pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) setelah 14 tahun pendaratannya dibekukan. Berdasarkan statistik terkini, jumlah Kontraktor G1 (Bumiputera) yang telah berdaftar dengan CIDB adalah sebanyak 21,495 syarikat. Daripada jumlah tersebut, 70% adalah Kontraktor G1 (Bumiputera) yang mempunyai rekod pendaftaran melebihi 20 tahun dan keadaan ini tidak memberi peluang kepada kontraktor Bumiputera yang baharu untuk menyertai perolehan Kerajaan. Baki 30% lagi adalah Kontraktor G1 (Bumiputera) yang mempunyai rekod pendaftaran di antara 3 hingga 20 tahun mengikut bidang pengkhususan masing-masing.

Berasaskan iltizam Kerajaan Persekutuan untuk mencapai nilai faedah terbaik kepada Kerajaan dan rakyat, satu platform keusahawanan dalam industri pembinaan perlu diperkuuhkan. Ia juga menjadi wadah untuk melatih kontraktor Bumiputera bagi meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan mereka ke gred yang lebih tinggi. Menyedari hakikat ini, Kerajaan berpandangan adalah wajar pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) dibuka semula kepada rakyat khususnya kepada golongan belia Bumiputera yang berkelayakan.

Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju supaya pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) dibuka semula pada **1 September 2019**. Ini akan memberi peluang kepada kontraktor baharu Bumiputera terutamanya generasi muda yang berkelayakan teknikal untuk terlibat secara lebih aktif dalam industri pembinaan khususnya dalam mengendalikan projek Kerajaan. Harapan Kerajaan Persekutuan adalah supaya usaha ini dapat melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang berdaya saing dan berdaya tahan serta memainkan peranan utama dalam industri pembinaan negara.

Jemaah Menteri juga bersetuju supaya had nilai penawaran kerja-kerja Kerajaan yang ditawarkan kepada Kontraktor G1 (Bumiputera) wajar dikaji semula. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi serta agensi lain yang berkaitan akan memperhalusi had nilai ini dengan mengambilkira kesan kenaikan kos dalam pelaksanaan projek-projek semasa Kerajaan. Kajian ini bagi memastikan keutamaan dan pengukuhan penyertaan Bumiputera dalam perolehan Kerajaan dari segi nilai perolehan kontrak serta dapat merapatkan jurang pendapatan antara kaum tanpa menjaskan ekosistem industri pembinaan negara selaras dengan prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama.

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan Malaysia**

**16 Ogos 2019**